

10 JUL 2004

Cosmopoint-MOA

COSMOPOINT AKAN TAWAR LIMA KURSUS KEPADA YMPBS DI INDONESIA

KUALA LUMPUR, July 10 (Bernama) -- Kolej Teknologi Cosmopoint (Cosmopoint) akan menawarkan lima kursus pra-universiti atau matrikulasi kepada Yayasan Masjid Panglima Besar Soedirman (YMPBS) di Indonesia di bawah Memorandum Persetujuan (MOA) yang ditandatangani hari ini.

Kursus-kursus itu ialah Diploma Teknologi Maklumat, Diploma Multimedia, Diploma Rekaan Grafik Komputer, Diploma e-Setiausaha dan Diploma e-Niaga.

"Di bawah program-program ini, pelajar-pelajar Indonesia akan belajar satu tahun di Indonesia dan tahun terakhir di Kuala Lumpur," kata Presiden Cosmopoint Datuk Idrus Mohd Satha dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

YMPBS akan melaksanakan kursus dan latihan yang ditawarkan oleh Cosmopoint dan pensyarah-pensyarah mereka juga akan turut dilatih di Cosmopoint, kata Idrus.

Beliau menambah, adalah menjadi hasrat bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad untuk melihat Malaysia 'memakmurkan jirannya'.

"Selain melihat kerjasama ini sebagai perniagaan semata-mata, kami juga bertanggungjawab membantu kemajuan negara jiran," tambah Idrus.

YMPBS diwakili oleh Pengerusinya yang berusia 88 tahun, Lt Gen (R) Soerjo Wirjohadipoetro.

YMPBS, adalah sebuah Yayasan Islam yang ditubuhkan pada tahun 1966 dan terletak di Bakasi, Indonesia.

Ia menawarkan pelbagai kursus bermula daripada peringkat tadika sehingga program Ijazah Lanjutan kepada lebih 10,000 pelajar.

-- BERNAMA

ABI PR